

16 JUL 1998

AGONG HADIR MESYUARAT KE-179 MAJLIS RAJA-RAJA

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar hari ini berangkat menghadiri mesyuarat ke-179 Majlis Raja-Raja di Istana Negara dengan diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sultan Perak Sultan Azlan Shah mempengerusikan mesyuarat dua hari itu yang bermula semalam.

Kesemua Sultan dan Yang Dipertua Negeri berangkat hadir kecuali Sultan Selangor yang diwakili Raja Muda Selangor, dan Sultan Johor yang diwakili Tengku Mahkota Johor.

Negeri Sembilan diwakili Pemangku Yang Dipertuan Besar Tunku Naquiyuddin.

Yang turut hadir menteri besar dan ketua menteri masing-masing kecuali bagi Johor dan Sarawak.

Johor diwakili anggota Exco Zainalabidin Mohd Zain dan Sarawak diwakili Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu.

-- BERNAMA

NHD NMO